

Cagamas terbit bon, sukuk RM1.52 bilion

Cagamas Bhd, Perbadanan Gadai Janji Nasional, mengumumkan penerbitan pertama tahun ini bernilai RM1.52 bilion dalam bentuk bon konvensional dan sukuk.

Daripada nilai itu, RM1.12 bilion adalah dalam bentuk Nota Jangka Sederhana Konvensional (CMTN) dan baki RM400 juta dalam bentuk Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN).

Dana dijana daripada terbitan itu akan digunakan untuk membeli pinjaman gadai janji dan pembiayaan kediaman Islam daripada sistem kewangan.

"Syarikat sudah memuktamadkan terbitan pertama tahun ini dengan buku pesanan

lebih RM1 bilion dan nisbah bidaan-kepada-perlindungan 2.7 kali.

"Tidak termasuk terbitan jaminan kerajaan, penerbitan ini mewakili urus janji awam PDS pertama tahun ini," kata Presiden merangkap Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chung Chee Leong, dalam satu kenyataan.

Perkukuh hasil

Beliau berkata, buku pesanan itu mendapat sambutan memberangsangkan yang mana syarikat itu berjaya mengukuhkan hasil sebanyak lima mata asas (bps) kepada 4.10 peratus dan meningkatkan saiz penerbitan daripada saiz awal RM600 juta kepada RM1.52 bilion, sekali

gus mencerminkan kekukuhan dan daya tahan pasaran domestik.

"Hasil mutakhir diletakkan



FAKTA NOMBOR

RM1.12
bilion

Dalam bentuk Nota Jangka Sederhana Konvensional

pada harga 34 bps di atas IRS 3-tahun itu," katanya.

Maklum balas daripada pelabur berpangkalan di Singapura katanya, menandakan keyakinan ke atas nama syarikat itu di tengah-tengah persekitaran pasaran yang mencabar.

Cagamas yang ditubuhkan pada 1986 adalah penerbit instrumen hutang kedua terbesar negara selepas kerajaan.

Ia menyediakan kecairan kepada peminjam utama pinjaman perumahan bagi mempromosi pemilikan kediaman, menerbitkan bon dan sukuk bagi pembelian itu.

Pemegang saham dalam Cagamas ialah Bank Negara Malaysia, CIMB Group Holdings Bhd dan RHB Bank.